

GARIS PANDUAN PERMOHONAN BAHAN PROMOSI PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



GARIS PANDUAN

PERMOHONAN BAHAN PROMOSI PROGRAM GALAKAN MEMBACA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

1. TUJUAN

Garis panduan ini mengandungi keterangan dan penjelasan mengenai prosedur serta syarat-syarat, bagi permohonan Bahan-bahan Promosi Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia yang dimohon oleh Sektor Perpustakaan (merangkumi perpustakaan gunasama, perpustakaan khusus, perpustakaan desa, pusat sumber sekolah), jabatan/agensi kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta lain-lain organisasi.

2. PENGENALAN

Garis Panduan Permohonan Bahan Promosi Galakan Membaca Pepustakaan Negara Malaysia disediakan kepada pemohon-pemohon yang ingin membuat permohonan Bahan Promosi Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia.

3. OBJEKTIF

Objektif sumbangan Bahan-bahan Promosi Program Galakan Membaca adalah seperti berikut:

- 3.1 Kaedah untuk menaraik minat masyarakat untuk menyertai Program Galakan Membaca anjuran Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Desa dan lain-lain;
- 3.2 Penghargaan kepada orang ramai/kumpulan sasar yang menyokong dan mengambil bahagian dalam Program Galakan Membaca;
- 3.3 Merupakan cara terbaik dalam mempromosikan perpustakaan dan seterusnya membudayakan pembacaan dalam kalangan masyarakat.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 4.1 Pemohon untuk bahan terbitan promosi galakan membaca perlu melaksanakan program galakan membaca/literasi media dan maklumat/pembudayaan tulisan Jawi diperingkat perpustakaan, jabatan, agensi, institusi dan NGO.
- 4.2 Pemohon luar perlu mengemukakan kertas cadangan ringkas bersama-sama surat permohonan. (*Syarat ini tidak terpakai bagi bahagian-bahagian dalaman di PNM yang memohon bahan promosi*).
- 4.3 Program/aktiviti yang dianjurkan oleh pemohon tidak berorientasikan keuntungan (*non profit making*) tetapi memberi impak dalam menggalakkan budayamembaca dalam kalangan masyarakat.
- 4.4 Keutamaan akan diberikan kepada perpustakaan/organisasi yang tidak mempunyai peruntukan khusus untuk melaksanakan program galakan membaca/literasi media dan maklumat/pembudayaan tulisan Jawi.
- 4.5 PNM berhak menyaring setiap permohonan dan menetapkan kuantiti serta jenis bahan-bahan promosi yang akan disumbangkan berdasarkan kesesuaian program/aktiviti serta sasaran peserta. Permohonan juga adalah tertakluk kepada stok bahan promosi sedia ada.
- 4.6 Pemohon boleh membuat permohonan maksimum 2 (dua) kali setahun sahaja bagi memberi peluang kepada perpustakaan/jabatan/agensi/organisasi lain untuk mendapatkan bahan-bahan sumbangan. PNM juga berhak untuk tidak meluluskan permohonan yang dianggap tidak munasabah contohnya: permohonan bahan promosi yang melebihi kuantiti stok sedia ada, bahan promosi digunakan untuk tujuan Hari Keluarga, Sukan, aktiviti sosial dan kebajikan dan lain-lain.
- 4.7 Pemohon hanya akan diluluskan 3 (tiga) bahan promosi pada suatu masa tertakluk kepada stok bahan promosi sedia ada.

4.8 Pemohon yang diluluskan permohonannya digalakkan untuk mengambil sendiri bahan-bahan promosi tersebut kecuali sebab-sebab munasabah dipos menerusi Pos Laju bagi perpustakaan/organisasi di luar Lembah Kelang.

5. PROSEDUR PERMOHONAN

- 5.1 Mengemukakan surat permohonan kepada Bahagian Gerakan Literasi Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia berserta dengan kertas cadangan pelaksanaan program/aktiviti melalui pos, e-mel atau faksimile.
- 5.2 Pemohon yang layak dan diluluskan permohonannya perlu mengisi dan mengembalikan Borang Akuan Terima kepada Bahagian Gerakan Literasi Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia setelah bahan-bahan promosi diterima.
- 5.3 Pemohon perlu mengemukakan statistic dan laporan ringkas program/aktiviti yang telah dijalankan kepada perpustakaan Negara Malaysia (Untuk Perhatian: Bahagian Gerakan Literasi Maklumat).

Sebarang urusan surat menyurat boleh diutarakan kepada alamat berikut:

Perpustakaan Negara Malaysia
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
Tingkat 13, Bangunan Menara PNM
232 Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-2687 4386 (Cik Azfaradila)
 03-2687 4293 (Puan Nur Fatihah Al-Zahra)
E-mel : bglm@pnm.gov.my

Dikemaskini pada 10 Januari 2023

Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
232 Jalan Tun Razak
50572 KUALA LUMPUR
(u.p : Bahagian Gerakan Literasi Maklumat)

Ruj. Kami :

Ruj. Tuan :

Tarikh : _____

Puan,

AKUAN PENERIMAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa saya telah terima bahan yang telah disumbangkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia iaitu :

Bil	Bahan	Kuantiti

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Alamat Organisasi : _____

No. Tel. : _____

No. Faks : _____

E-mail : _____

Nota:

- Borang ini boleh e-mel ke **bglm@pnm.gov.my**
- Sekiranya terdapat perubahan/pertukaran alamat sila hubungi Perpustakaan Negara Malaysia di talian 03-26871700 sambungan 4293
- Sila tambah lampiran jika ruangan tidak mencukupi